

## **BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA**

### **PENGENALAN**

- Kemerdekaan Negara kita melibatkan rundingan dan kerjasama antara pemimpin terdahulu dengan pihak tertentu untuk menentukan hala tuju negara.
- Usaha tersebut telah membolehkan negara mencapai kemerdekaan rasmi pada 31 Ogos 1957 tanpa pertumpahan darah.
- Pihak British telah memberikan latihan untuk mentadbir negara kepada penduduk tempatan supaya mampu berkerajaan sendiri.

### **SISTEM AHLI**

<b>KATA KUNCI</b>	<b>ISI / KETERANGAN</b>
	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu.</li><li>▪ Idea penubuhannya telah dicetuskan oleh <b>Dato'Onn Ja'afar</b> dalam perbincangannya dengan <b>Sir Henry Gurney</b> di Kuala Lumpur. Sir Henry Gurney mencadangkan agar model negara Kenya dan Rhodesia Utara dilaksanakan di Tanah Melayu.</li><li>▪ Pihak British berpendapat bahawa Sistem Ahli ini akan <b>mengurangkan tekanan daripada pihak Parti Komunis Malaya</b>.</li><li>▪ Sistem Ahli telah dibincangkan dan <b>dipersetujui</b> dalam mesyuarat <b>Majlis Raja-Raja Melayu</b> pada bulan Februari 1950.</li><li>▪ Pada bulan Julai 1950, satu <b>rundingan antara pihak British dengan wakil penduduk Tanah Melayu</b> telah diadakan di King's House, Kuala Lumpur.</li><li>▪ Sir Henry Gurney telah menjemput Dato'Onn Ja'afar (Yang Dipertua UMNO) Dato' Hamzah Abdullah (Menteri Basar Selangor), Raja Uda dan Dato' Nik Ahmed Kamil yang mewakili UMNO dan juga orang Melayu, Dato' E.E.C. Thuraisingam mewakili kaum India serta Encik Yong Shook Lin dan Dr. Lee Tiang Keng yang mewakili masyarakat Cina</li><li>▪ Mereka telah <b>bersetuju dengan pendekatan Sistem Ahli</b>.</li></ul>

## **BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA**

### **CIRI-CIRI SISTEM AHLI**

Sistem Ahli dilaksanakan dari bulan **Januari 1951 hingga bulan Jun 1955**, iaitu sebelum pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dijalankan pada bulan Julai 1955.

Sistem Ahli mempunyai beberapa ciri. Antaranya:

- Satu sistem **kabinet bayangan** yang terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang jawatan yang dibentuk.,
- Anggota Sistem Ahli dikenal sebagai **Ahli**. Contohnya, Ahli Hal Ehwal dalam Negeri.
- **Pelantikan Ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British** dengan **persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu**.
- Ahlinya terdiri daripada **sembilan orang anggota**, iaitu lima orang penduduk Tanah Melayu dan empat orang pegawai Inggeris. Daripada lima orang penduduk Tanah Melayu, tiga daripadanya merupakan orang Melayu, orang Cina dan orang India.
- Ahli-ahli diletakkan **di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British**.

### **PROSES PERLAKSANAAN DAN KEPENTINGAN SISTEM AHLI**

1. Ahli-ahli yang dilantik diberikan tugas menjaga satu **portfolio** yang mengandungi beberapa buah **jabatan kerajaan**. Mereka menguruskan pentadbiran harian jabatan tersebut mengikut dasar-dasar yang sedia ada.
2. Mereka juga bertanggungjawab **mencadangkan undang-undang** yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP.
3. Dalam menyediakan cadangan undang-undang itu, Ahli akan berbincang dengan pegawai-pegawai kanan British untuk mendapatkan persetujuan bersama.
4. **Pesuruhjaya Tinggi juga memberikan arahan dan persetujuan** dalam perkara tersebut. Selalunya cadangan undang-undang itu merupakan pendirian pentadbiran British.

## BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

### KEANGGOTAAN SISTEM AHLI PADA PERINGKAT AWAL

BIL	NAMA AHLI	PORTFOLIO
1.	Dato' Onn Ja'afar	Ahli dalam Negeri
2.	O.A. Spencer	Ahli Ekonomi
3.	Tunku Yaakob ibni Sultan Abdul Hamid	Ahli Perlanian dan Perhutanan
4.	Dr. Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan
5.	Dato' E.E.C. Thuraisingam	Ahli Pelaiaran
6.	J.D. Hodgkinson	Ahli Perindustrian dan Hubungan Sosial
7.	J.D. Mead	Ahli Perumahan dan Keria Raya
8.	Dato'Mahmud Mat	Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan

3. Sistem Ahli penting kerana
  - Sistem merupakan **tapak asas** yang penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.
  - Sistem Ahli juga memulakan **proses perpaduan kaum** di Persekutuan Tanah Melayu.
  - Sistem ini **menggabungkan pemimpin daripada pelbagai kaum** yang terdapat di negara ini.
  - Perkara ini merupakan asas penting untuk menentukan kemerdekaan yang bakal dicapai mendapat **sokongan seluruh penduduk** Persekutuan Tanah Melayu.
  - Sistem Ahli telah memberikan **pendedahan** yang baik kepada penduduk tempatan untuk mentadbir dan menerajui kerajaan walaupun masih dikuasai oleh British.

### PAKATAN MURNI

1. Pakatan murni merupakan usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan satu **kerjasama** dan **tolak ansur politik** melalui rundingan. Setiap kaum mempunyai tuntutan dan masalah yang tersendiri.
2. Pakatan murni merupakan jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum.

## **BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA**

### **PAKATAN MURNI PRAPERIKATAN**

Sebelum Perikatan ditubuhkan, terdapat beberapa usaha mengadakan pakatan murni di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

#### **LANGKAH 1**

1. Langkah pertama ialah **penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC)** pada bulan Januari 1949 di Pulau Pinang.
2. Pada peringkat permulaannya, CLC ini hanya dianggotai oleh dua kaum terbesar di Tanah Melayu, iaitu Melayu dan Cina. Orang Melayu yang bernaung di bawah UMNO diketuai Olen Dato'Onn Ja'afar, orang Cina pula yang dinaungi Persatuan Cina Malaya atau Malayan Chinese Association (MCA) diterajui oleh Tan Cheng Lock.
3. Namun, pada bulan Ogos 1949, CLC telah dianggotai oleh enam orang pemimpin Melayu, enam orang pemimpin Cina dan seorang wakil daripada kaum India, Sri Lanka, Serani dan Eropah.
4. Penubuhan CLC adalah titik permulaan kerjasama kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Perkara ini merupakan perubahan terhadap dasar UMNO kerana kesanggupannya berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara. Hal ini juga merupakan satu pendekatan baru dalam arena politik Persekutuan Tanah Melayu. Menurut Dato' Onn Ja'afar, perpaduan antara kaum patut menjadi asas kernerdekaan yang akan dicapai.
5. Hasil daripada perundingan UMNO-CLC, beberapa perkara telah dipersetujui. Antaranya:
  - **Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa atau Rural Industrial Development Authority (RIDA)** pada bulan Oktober 1950. Tujuan penubuhannya adalah untuk memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar bandar terutama kaum Melayu. Pengerusi pertamanya ialah Dato' Onn Ja'afar.
  - **Kerakyatan Negeri 1951** diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimanapun, syaratnya ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu.
  - **Pilihan raya** akan diadakan pada masa yang sesuai di peringkat perbandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

## **BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA**

### **LANGKAH 2**

6. Langkah kedua ialah **pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu** seperti yang dicadangkan oleh Dato' Onn Ja'afar pada tahun 1951.
7. Bagaimanapun, Beliau telah **dikecam** hebat kerana masyarakat Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur UMNO. Beliau kemudiannya telah **meninggalkan UMNO**.

### **LANGKAH 3**

8. Langkah ketiga ialah **penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya atau Independence Malaya Party (IMP)**. Dasar IMP mengikut Dato' Onn Ja'afar akan menggunakan konsep keriasama kaum dalam sebuah parti.
9. IMP terbuka kepada semua kaum yang mahu bekerja untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Dato' Onn Ja'afar menyedari perubahan politik yang berlaku di Tanah Melayu pada ketika itu.
10. Kerakyatan Negeri 1951 tidak lagi menjadikan orang Melayu sebagai rakyat tunggal Tanah Melayu. Sebaliknya, orang bukan Melayu juga menjadi rakyat Tanah Melayu.
11. Walau bagaimanapun, IMP gagal mendapat sambutan daripada kaum Cina, India dan kaum lain di Tanah Melayu. Ini adalah kerana mereka tidak merasakan bahawa mereka adalah sebagai satu bangsa Tanah Melayu. Rasa perpaduan terlalu asing bagi mereka.

### **LANGKAH 4**

12. Langkah seterusnya ialah **penubuhan Persidangan Kebangsaan** pada bulan Februari 1953 oleh Sir Malcom MacDanald (Gabenor Jeneral Asia Tenggara), di King's House, Kuala Lumpur.
13. Tujuannya adalah untuk **mencapai kerjasama politik** bagi **mengurangkan perasaan perkauman** di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu.
14. Penubuhan Persidangan Kebangsaan diisytiharkan pada bulan April 1953, di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dato' Panglima Bukit Gantang menjadi pengerusinya dan beliau disokong oleh beberapa orang Menteri Besar.
15. Pada masa yang sama juga, Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan bersama-sama MCA. Konvensyen ini disertai pelbagai parti dan persatuan politik yang lain. Kerjasama ini telah mengasaskan pembentukan Parti Perikatan.

## BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

### PERIKATAN SERTA PILIHAN RAYA BANDARAN NEGERI, DAN MAJLIS PERUNDANGAN PERSEKUTUAN 1955

TAHUN/ KATA KUNCI	PERISTIWA
1952	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Kerjasama UMNO-MCA</b> telah dibentuk apabila British ingin mengadakan <b>pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur</b> pada bulan Februari <b>1952</b>. Kerjasama antara UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Selangor telah dijalankan oleh Dato' Abdul Razak Yahya dan Ong Yoke Lin. Dalam pilihan raya tersebut gabungan UMNO-MCA telah <b>memenangi sembilan daripada dua belas kerusi yang dipertandingkan</b>.</li> <li>2. Dalam <b>pilihan raya Mailis Perbandaran di beberapa bandar utama</b>, gabungan UMNO-MCA telah <b>memenangi 26 daripada 37 kerusi</b> yang dipertandingkan.</li> </ol>
1954	<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Dalam <b>pilhanraya negeri</b> pada tahun <b>1954</b>, Parti Perikatan telah <b>memenangi 226 daripada 268 kerusi yang dipertandingkan</b>. Kemenangan ini menunjukkan permuafakatan kaum dalam pelbagai parti dapat diterima oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu.</li> <li>4. Kerjasama UMNO-MCA ini telah mengasaskan penubuhan Parti Perikatan yang kemudiannya <b>disertai oleh MIC pada tahun 1955</b>.</li> <li>5. Pada tahun <b>1954</b>, British telah menubuhkan sebuah <b>Jawatankuasa Pilihan Raya dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)</b>. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pemimpin parti politik seperti Parti Negara, UMNO, MCA, MIC dan pegawai-pegawai tinggi British.</li> <li>6. Jawatankuasa tersebut mencadangkan 52 kerusi dipilih melalui pilihan raya dan 48 ahli MPP dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British.</li> </ol>
1955	<ol style="list-style-type: none"> <li>7. Parti Perikatan telah menyertai <b>pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)</b> yang diadakan pada 27 Julai 1955.</li> <li>8. Manifesto Parti Perikatan dalam pilihan raya ini adalah untuk mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun, mewajibkan pendidikan, menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan, menjaga hak asasi manusia dan melindungi hak Raja-Raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.</li> <li>9. Dalam pilihan raya itu <b>Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan</b>.</li> <li>10. Kemenangan Parti Perikatan yang amat cemerlang ini telah membolehkan Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Parti Perikatan menjadi Ketua Menteri dan membentuk kabinet. Pembahagian anggota kabinetnya terdiri daripada pelbagai kaum dan kabinet ini berfungsi sehingga kemerdekaan dicapai.</li> </ol>

### PERIKATAN DAN PAKATAN MURNI KE ARAH KEMERDEKAAN

TAHUN/ KATA KUNCI	PERISTIWA
1956	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tunku Abdul Rahman telah mengetuai <b>rombongan rundingan kemerdekaan ke London</b> pada bulan Februari 1956. Beliau disertai oleh Dr. Ismail Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussein dan Kolonel H.S. Lee. Empat orang wakil Sultan pula terdiri daripada Dato' Panglinia Bukit Gantang (Ketua), Dato' Nik Ahmed Kamil, Encik Abdul Aziz Majid dan Dato' Mohd. Seth.</li> </ol>

## **BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA**

	<p>2. Perundingan tersebut telah dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd, iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British. Rundingan tersebut telah berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956.</p>
1957	<p>3. Dalam perundingan itu, sebuah suruhanjaya bebas untuk mengkaji perlembagaan telah dibentuk. Pihak British telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Tunku Abdul Rahman telah membuat <b>pengisytiharan tarikh kemerdekaan itu di Bandar Hilir, Melaka.</b></p> <p>4. Kesimpulannya, pakatan murni telah mendapat sokongan pelbagai kaum pada peringkat akar umbi. Mereka telah bekerjasama membentuk permuafakatan politik Persekutuan Tanah Melayu. Kerjasama ini amat penting dalam usaha untuk menangani tuntutan kemerdekaan.</p>

## **BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA**

### **PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 penting sebagai simbol persetujuan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu. Kemerdekaan ini ialah kemuncak perjuangan nasionalisme yang telah berlaku sejak pertengahan abad ke-19.

#### **SURUHANJAYA REID**

1. Suruhanjaya Reid telah dibentuk pada bulan Mac 1956 bagi membincangkan dan menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
2. Suruhanjaya ini telah **diketuai oleh Lord Reid** (Hakim British) yang bertindak sebagai pengerusi, manakala ahli yang lain ialah Sir Ivor Jennings (England), Sir William McKell (Bekas Gabenor Jeneral Australia), Tuan B. Malik (Hakim Mahkamah Tinggi India) dan Tuan Abdul Hamid (Pakistan).
3. Tugas suruhanjaya ini adalah untuk **merangka sebuah perlembagaan** bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka. Beberapa isu menjadi panduan suruhanjaya ini, antaranya termasuklah pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat dan pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu.
4. Suruhanjaya ini juga mengambil kira isu kedudukan Raja-Raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu. Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu juga diberikan perhatian.
5. Suruhanjaya ini telah menerima sebanyak **131 memorandum** daripada pelbagai pihak. Ini termasuklah daripada Raja-Raja Melayu, orang perseorangan dan pertubuhan politik.
6. Sebagai kerajaan, cadangan Parti Perikatan telah diberikan perhatian utama. Cadangan-cadangan Suruhanjaya Reid ini telah diterbitkan pada bulan Februari 1957. **Parlimen British menerima cadangan tersebut** pada bulan Mei 1957. **Mailis Mesyuarat Perundangan Persekutuan Tanah Melayu telah mengesahkannya pada 17 Ogos 1957. Hasilnya, lahirlah Perlembagaan Kemerdekaan 1957.**
7. Satu isu hangat ialah **kerakyatan jus soli**. Kerakyatan ini yang menjadi tuntutan orang dagang tidak dapat diterima oleh orang Melayu. Ini adalah kerana prinsip kerakyatan jus soli memberikan hak sama rata kepada semua kaum dan ini dianggap boleh melemahkan lagi kedudukan orang Melayu.
8. Namun selepas beberapa rundingan dibuat, **Raja-Raja Melayu telah menerima kerakyatan jus soli** dengan syarat **orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu** dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
9. Dengan tolak ansur ini satu **pakatan murni** antara kaum telah terbina di Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Perkara lain yang telah dipersetujui termasuklah **agama Islam sebagai agama rasmi** Persekutuan Tanah Melayu dan **bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan**.

#### **ISI-ISI PENTING PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**

1. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957. Perjanjian ini telah melahirkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
2. Antara isi pentingnya termasuklah:
  - Pembentukan sebuah **Kerajaan Persekutuan**.
  - Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri melalui **Senarai Persekutuan** dan **Senarai Negeri**.
  - Institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara.
  - **Tiga jenis kerakyatan** diwujudkan, iaitu secara **Kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan** dan **Naturalisasi**. Prinsip jus soli diterima.
  - **Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan**.
  - Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.



## ***BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA***

- Tanah Simpanan Melayu dikekalkan.
  - Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
  - Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara.
  - Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen.
  - Pada peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran dan beliau dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO.
3. Prinsip-prinsip Perlembagaan Kemerdekaan 1957 ini adalah satu penerusan kepada pembinaan negara dan bangsa yang kukuh, sistematik dan berperundangan.
  4. Unsur Kesultanan Melayu digabungkan dengan sistem birokrasi Barat untuk membentuk identiti negara dan bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

## **BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA**

### **KEPENTINGAN PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**

1. Akhirnya persetujuan yang telah dicapai menerusi pakatan murni ini , membolehkan sebuah kerajaan demokrasi dengan konsep Raja Berperlembagaan dibentuk. Pemimpin Melayu dan bukan Melayu menyokong pakatan ini kerana mereka menyedari bahawa pakatan ini akan mewuludkan perpaduan yang jitu antara kaum di Persekutuan Tanah Melayu.
2. Sebelum ini, masyarakat di Tanah Melayu menghadapi masalah perpaduan kaum akibat perbezaan kebudayaan dan fahaman politik. Menerusi pakatan murni, keharmonian kaum dapat dicapai tanpa menumpahkan darah.
3. Pejianjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengikut acuan sendiri.
4. Dengan pengalaman sejarah yang sama, setiap kaum berusaha untuk melahirkan identiti masyarakat yang merdeka. Perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa, diketepikan. Kini, rakyat menikmati apa yang telah dibincangkan dan dipersetujui dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

### **PERANAN TOKOH-TOKOH KEMERDEKAAN**

Kemerdekaan negara yang dicapai pada 31 Ogos 1957 telah diusahakan oleh para pemimpin yang berwibawa. Dengan kebijaksanaan mereka, kemerdekaan negara telah dicapai tanpa menumpahkan darah. Sikap bekerjasama dan sentiasa mengutamakan perundingan dan kata sepakat telah menjadi pendekatan terbaik bagi masyarakat berbilang kaum di Persekutuan Tanah Melayu.

#### **TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAL**

1. Tunku Abdul Rahman Putra al-Hal ialah Presiden UMNO, Ketua Parti Perikatan dan Perdana Menteri.
2. Hasil kebijaksanaannya mengendalikan pakatan murni antara kaum, kemerdekaan telah dapat dicapai dengan penuh harmoni dan gemilang.

#### **TUN ABDUL RAZAK**

1. Tun Abdul Razak, iaitu Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, juga telah memainkan peranan penting.
2. Beliau menjadi perunding dalam tuntutan kemerdekaan di London pada tahun 1956.
3. Beliau juga menjadi perunding dalam menyiapkan Perlembagaan Kemerdekaan 1957.
4. Beliau juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956 yang menggubal sistem pendidikan kebangsaan negara. Laporan itu dikenal sebagai Penyata Razak pada tahun 1957.
5. Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada tahun 1970.

#### **TUN H. S. LEE**

1. Tun H. S. Lee merupakan tokoh MCA yang telah memulakan kerjasama antara kaum sehingga mencetuskan idea penubuhan Parti Perikatan. Parti ini telah bekerjasama dengan UMNO dan MIC bagi mendapatkan kemerdekaan negara pada tahun 1957.

#### **TAN CHENG LOCK**

1. Tan Cheng Lock memainkan peranan sebagai Presiden MCA tidak kurang pentingnya sebagai penyokong Tunku Abdul Rahman dalam mendapatkan kemerdekaan negara.

## ***BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA***

TUN V. T. SAMBANTHAN

1. Bagi masyarakat India pula, sumbangan mereka dalam menuntut kemerdekaan negara ini ditunjukkan oleh wakilnya, Tun V. T. Sambanthan.
2. Beliau merupakan presiden MIC yang telah bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan negara.
3. Tokoh ini menyokong sepenuhnya dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan negara yang kukuh dan menyeru kaum India supaya memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara ini.

Kebijaksanaan pemimpin-pemimpin era awal kemerdekaan negara memang waiar dihargai oleh rakyat Malaysia pada hari ini.

### **RUMUSAN**

1. Perjuangan membentuk sebuah negara dan bangsa yang merdeka menuntut pengorbanan yang besar.
2. Langkah para pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang memilih musyawarah sebagai pendekatan mengatasi segala kemelut politik negara dan bangsa merupakan langkah yang bijak dan amat berkesan.
3. Penubuhan Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) sebagai gabungan kerjasama kaum untuk mendapatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 adalah satu rahmat kepada kita.